

09 SEP 2002

Mahathir-Kebebasan/I

KEBEBASAN MUTLAK MENJURUS KEPADA KEKACAUAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa tidak mungkin wujud kebebasan mutlak kerana ia (kebebasan) akan menjurus kepada kekacauan.

Dr Mahathir berkata sejarah telah mengajar kita supaya memahami bahawa kekacauan dan rusuhan akan menyebabkan taraf hidup yang rendah, menyebabkan kemiskinan dan kesusahan.

Perdana Menteri berkata kecuali kerajaan menentukan had terhadap hak tertentu, individu boleh menyalahguna hak-hak ini dan mencetuskan keruntuhan moral seperti membunuh bayi dalam kandungan dan kanak-kanak.

Beliau berkata hak sebenar mesti dilihat dalam konteks yang lebih luas yang meliputi kualiti kehidupan masyarakat dan bukan terhad kepada idea-idea Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 "yang Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sendiri gagal melaksanakannya secara berkesan".

"Konsep Barat mengenai hak berbeza daripada negara-negara Asia. Sedangkan Barat meletakkan hak individu mengatasi kepentingan kumpulan atau masyarakat, budaya Asia meletakkan masyarakat mengatasi segala-galanya," katanya semasa merasmikan Persidangan mengenai Hak Asasi Manusia dan Pendidikan anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) di sini.

Teks ucapan Perdana Menteri pada persidangan dua hari di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Dr Mahathir berkata undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri yang beria-ia dikutuk Barat, perlu untuk melindungi negara dan memberi perlindungan kepada majoriti rakyat.

Beliau berkata ketidakstabilan politik, jaminan keselamatan yang kurang dan ancaman kepada keselamatan seseorang, tidak sahaja akan menakutkan pelabur malah akan mengurangkan produktiviti.

"Berapa ramai daripada kita memilih untuk tinggal di negara yang dilanda konflik dalaman dan keganasan daripada mereka yang memilih keharmonian dan keadaan selamat. Penyokong hak asasi manusia mahukan hak asasi yang tidak berbelah bagi. Namakan saya sebuah negara yang mampu meneruskan standard kehidupan mapan tanpa menguatkuasakan undang-undang dan ketenteraman," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata sedang beberapa pihak mungkin mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan secara berbeza, beberapa asas kebebasan termaktub dalam bahagian II Perlembagaan seperti hak rakyat untuk menyaman kerajaan dan hak untuk mengundi selaian undnag-undang biasa yang memberi perlindungan hak asasi seperti Akta Orang Asli dan Akta Pekerjaan.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata jika dibandingkan dengan negara lain, Malaysia masih kehadapan dalam melindungi hak asasi dengan negara ini merupakan negara ketiga menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di kalangan negara Asean.

Perdana Menteri berkata sejak Merdeka, banyak pencapaian dibuat dalam pelbagai bidang seperti kesihatan, pendidikan, pembasmian kemiskinan dan pembangunan sumber manusia.

Rawatan kesihatan Malaysia, terutama rawatan ibu dan kanak-kanak adalah antara yang terbaik di dunia dan pada 1999, kadar kematian bayi adalah lapan peratus bagi setiap 1,000 dan bagi kanak-kanak berumur antara satu dan empat tahun, kadar kematian hanya 0.4 peratus manakala pada Ogos 2000, Malaysia diisytiharkan bebas daripada penyakit polio, katanya.

Mengenai pendidikan, Dr Mahathir berkata walaupun pendidikan adalah

percuma tetapi pendidikan rendah tidak diwajibkan, lebih daripada 2.9 juta atau 99.9 peratus kanak-kanak berumur tujuh tahun bersekolah dan kanak-kanak perempuan mendapat hak yang sama kepada pendidikan dengan 49 peratus daripada kanak-kanak sekolah rendah terdiri daripada kanak-kanak perempuan.

Dr Mahahir juga berkata semua kanak-kanak diwajibkan mengikuti pendidikan sekolah rendah mulai tahun depan.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga mengambil langkah ke hadapan dalam memastikan semua kanak-kanak prasekolah mendapat akses kepada pendidikan prasekolah yang berkualiti dengan menetapkan semua tadika, sama ada milik kerajaan, swasta atau separuh kerajaan, menggunakan kurikulum prasekolah kebangsaan yang digubal untuk membantu kanak-kanak menguasai kemahiran bagi menyediakan mereka dengan pendidikan formal Tahun Satu, mulai tahun depan.

Perdana Menteri berkata bagi meningkatkan akses serta memperbaiki pencapaian kanak-kanak di luar bandar, terutama mereka yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, lebih banyak sekolah berpusat akan didirikan di kawasan terpencil dan usaha akan dilakukan untuk memastikan guru serta bahan pengajaran, infrastruktur serta guru terlatih mencukupi di kawasan luar bandar.

Dr Mahathir berkata kurikulum latihan guru juga akan dikaji semula, tidak sahaja menekankan kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), malah menekankan kepada pentingnya nilai etika dan moral.

"Suhkam boleh bekerja dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia untuk mencapai matlamat mewujudkan budaya prihatin. Semoga jalinan usaha sama pintar antara Suhkam dan kedua-dua kementerian ini akan terhasil melalui persidangan ini," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata kerajaan menganggap pendidikan sebagai alat penting dalam pembangunan dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, 20.6 peratus daripada keseluruhan peruntukan pembangunan, diluluskan untuk pendidikan dan program latihan, dengan memberi kedua-dua bidang itu peruntukan yang besar untuk sektor sosial iaitu 34.1 peratus berbanding sektor keselamatan yang hanya membabitkan 9.8 peratus.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak sahaja menandatangani, malah mengesahkan Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak dan berusaha mematuhi artikel ini dengan menetapkan setiap projek perumahan memperuntukkan kawasan untuk taman kanak-kanak, menyediakan kemudahan awam untuk kegiatan luar keluarga, memperuntukkan dua Sabtu sebulan sebagai hari tidak bekerja dalam perkhidmatan awam dan membina perpustakaan.

"Ibu bapa juga diberi kebebasan untuk memilih aktiviti kebudayaan untuk disertai anak mereka. Malangnya, ramai ibu bapa menganggap rekreasi dan bersantai tidak bermanfaat untuk anak-anak mereka," kata Perdana Menteri.

Mengenai kemiskinan, Perdana Menteri berkata kerajaan mensasarkan untuk mengurangkan masalah itu dengan menangani kemiskinan terpencil, terutama dalam kumpulan minoriti di kawasan pedalaman.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus melaksanakan komitmennya membina rumah kos rendah dan sederhana bagi meningkatkan kualiti udara dan air, pengurusan sisa buangan yang cekap, pembangunan alam sekitar perbandaran yang sihat dan permuliharaan habitat dan sumber alam semula jadi yang kritikal.

"Kerajaan sudah mengambil langkah dalam memperbaiki kualiti hidup kesemua rakyat Malaysia, tidak sahaja di kalangan golongan miskin," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan mahu rakyat gembira dan menikmati standard kehidupan yang mencukupi.

"Dalam pada setiap individu wajar mengetahui hak masing-masing, setiap orang juga perlu sedar mengenai hak orang lain dan negara serta menghormati

hak mereka," katanya.

Dalam konteks yang lebih luas, Dr Mahathir berkata sesetengah negara dengan bongkak melaungkan rukun mengenai hak tetapi dalam masa yang sama "mereka secara satu pihak mengisytiharkan perang terhadap orang lain tanpa perlu mematuhi standard undang-undang antarabangsa.

"Hak untuk kekuasaan muncul mengatasi hak untuk berbincang menerusi norma-norma antarabangsa yang diterima," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

RV AHH LAT